

PERLINDUNGAN PENYAKIT KRITIKAL

A-Life **Kritikal Flex**

Bonus Tunai
Tahunan
dengan

AIA *Vitality*

PERLINDUNGAN FLEKSIBEL UNTUK DETIK-DETIK KRITIKAL



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Ahli PIDM


Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil takaful / produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hidup ini tidak dapat dijangka, tetapi tanggungjawab anda untuk melindungi diri dan orang tersayang tetap ada. Dalam dunia yang semakin sibuk, cabaran kesihatan yang tidak dijangka boleh berlaku tanpa amaran. Dengan peningkatan jumlah kes penyakit kritikal di Malaysia, memiliki pelan kewangan yang kukuh bukan lagi suatu pilihan tapi suatu keperluan. A-Life Kritikal Flex bukan sekadar menawarkan anda perlindungan kewangan. Ia adalah pelan yang dirancang berlandaskan prinsip Syariah, direka untuk meringankan beban anda semasa detik-detik paling sukar dalam hidup. Apabila penyakit melanda, anda boleh fokus kepada pemulihan di kala peserta-peserta takaful yang lain bantu menjamin masa depan anda dan keluarga anda.




Tahukah anda?

Kadar kelangsungan hidup selepas menghadapi penyakit kritikal semakin meningkat tetapi proses pemulihan sering datang dengan kos yang berterusan. Memiliki pelan penyakit kritikal yang membayar pampasan sekali gus boleh membantu anda meringankan beban kewangan ini. Selepas didiagnosis penyakit kritikal, bayaran daripada pelan tersebut boleh berfungsi sebagai:



Sokongan dan bantuan kewangan awal



Pengganti pendapatan semasa rawatan & pemulihan



Memberi fleksibiliti pemulihan melalui rawatan alternatif atau rawatan komplementari



Bantu dengan pembayaran sewa rumah, pinjaman & kos sara hidup



Kos penjaga & kos pelarasan gaya hidup

Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai perlindungan penyakit kritikal kerana ia menyediakan sokongan kewangan selepas diagnosis penyakit kritikal dan sepanjang tempoh pemulihan anda.

Mengapa anda harus memilih A-Life Kritikal Flex?



Perlindungan Lebih Baik untuk Detik-Detik Sukar dalam Hidup

Perlindungan menyeluruh sehingga 180 penyakit kritikal — dari pengesanan awal hingga peringkat lanjut.

Faedah penghospitalan berpanjangan supaya anda boleh fokus pada pemulihan, bukan perbelanjaan.

Jimat lebih banyak dengan diskaun ke atas jumlah perlindungan yang besar apabila anda memilih perlindungan yang lebih tinggi.



Fleksibiliti Lebih Baik dan Jaminan Berkekalan

Pelbagai pilihan caruman dan perlindungan yang direka untuk menepati keutamaan kewangan anda.

Lanjutan perlindungan automatik sehingga umur 80, memberikan anda ketenangan fikiran seumur hidup.

Memberi pilihan untuk anda membuat simpanan tambahan bagi menyokong anda pada masa-masa akan datang.



Impak Lebih Baik yang Membawa Perubahan

Dapatkan sehingga 15% Bonus Tunai Tahunan Vitality daripada caruman tahunan anda kerana menjaga kesihatan diri anda.

Tinggalkan legasi dengan memperuntukkan sebahagiannya untuk membantu mereka yang memerlukan melalui inisiatif Berkat Sama-Sama bersama AIA Penyala Harapan.

Jadikan Perlindungan Penuh Makna – Berkat Sama-Sama dengan AIA Penyala Harapan

Di AIA PUBLIC Takaful, kami percaya pada kepentingan semangat kemasyarakatan dan kebersamaan — nadi Takaful. Melalui Berkat Sama-Sama dan AIA Penyala Harapan, perlindungan anda melangkaui diri sendiri. Berpandukan prinsip Maqasid Shariah, A-Life Kritikal Flex bukan sahaja menyiapkan anda untuk detik-detik kritikal dalam hidup tetapi juga membolehkan anda mencipta impak yang berkekalan dalam masyarakat.

Kongsi Lebih Anda, Ubah Kehidupan



Anda boleh memilih untuk **menyumbangkan lebih anda** kepada Tabung Amal AIA Penyala Harapan. Caruman anda dapat membiayai biasiswa untuk pelajar yang kurang bernasib baik, bantuan bencana, dan lain-lain.

Tinggalkan Legasi dengan A-Plus Infaq



Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh atau kekal, **A-Plus Infaq** membolehkan anda mendermakan jumlah perlindungan rider kepada badan kebajikan pilihan anda — memastikan perlindungan anda mencipta harapan untuk orang lain.

Tambahan lagi, jika anda didiagnosis dengan 74 penyakit kritikal yang dilindungi, anda tidak perlu lagi membayar caruman untuk A-Plus Infaq sehingga tempoh perlindungan berakhir.

Bersama-sama, kita melindungi nyawa, memperkasakan komuniti dan mencipta harapan. Itulah semangat Berkat Sama-Sama.

Ketahui dengan lebih mendalam tentang Pelan A-Life Kritikal Flex



Perlindungan Penyakit Kritikal (CI) yang Dipertingkatkan dengan Perlindungan terhadap 75 Penyakit Kritikal Tahap Lanjut



Faedah Penyakit Kritikal¹

Terima bayaran faedah sekali gus jika anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 75 penyakit kritikal yang dilindungi.

100% daripada jumlah perlindungan + nilai akaun², jika ada



Faedah Penjaga³

Terima amaun faedah tambahan untuk membantu anda mengupah penjaga apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 75 penyakit kritikal yang dilindungi.

RM3,000



Faedah Belas Kasihan⁴

Terima bayaran faedah sekali gus jika anda meninggal dunia.

10% daripada jumlah perlindungan + nilai akaun, jika ada



Maksimumkan Perlindungan Anda dengan Rider Pilihan



A-Plus Kritikal Early

Tingkatkan perlindungan penyakit kritikal anda terhadap 65 keadaan penyakit kritikal peringkat awal dan 40 keadaan penyakit kritikal peringkat pertengahan.



A-Plus Recover-i

Menyediakan perlindungan tambahan untuk kemasukan ke hospital yang berpanjangan. Rider ini juga menyediakan manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM).



A-Plus ParentWaiver-i

Meneruskan pembayaran caruman sijil anak anda sehingga anak anda mencapai umur 25 tahun sekiranya anda meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan mana-mana 74 penyakit kritikal yang dilindungi.

¹ Bayaran Terhad untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah tertakluk kepada 10% daripada jumlah perlindungan dan sehingga maksimum RM 25,000.

² Jika A-Plus Recover-i atau A-Plus Infaq dilampirkan, hanya jumlah perlindungan sahaja yang akan dibayar. Nilai akaun daripada Dana Akaun Peserta (DAP) dan Dana Pelaburan Peserta (DPP), jika ada, akan dibayar setelah sijil ditamatkan.

³ Faedah Penjaga hanya terpakai untuk jumlah perlindungan RM100,000 dan ke atas dan hanya dibayar sekali sahaja.

⁴ Faedah Belas Kasihan tidak akan dibayar jika 100% daripada jumlah perlindungan telah dibayar untuk Faedah Penyakit Kritikal.



Kombo yang Disyorkan untuk Memaksimumkan Perlindungan Penyakit Kritikal Anda

BASIC	ESSENTIAL	COMPREHENSIVE
Sesuai untuk mereka yang mengutamakan perlindungan asas apabila diperlukan.	Sesuai untuk mereka yang mahukan perlindungan penting yang mencukupi dari permulaan.	Untuk mereka yang mencari perlindungan lengkap dengan sokongan kewangan tambahan semasa situasi yang tidak dijangka termasuk penghospitalan berpanjangan dan tempoh pemulihan.
A-Life Kritikal Flex	A-Life Kritikal Flex + A-Plus Kritikal Early ⁵	A-Life Kritikal Flex + A-Plus Kritikal Early ⁵ + A-Plus Recover-i
Perlindungan terhadap 75 keadaan penyakit kritikal peringkat lanjut.	Perlindungan terhadap 180 keadaan penyakit kritikal peringkat awal hingga lanjut.	Perlindungan terhadap 180 keadaan penyakit kritikal peringkat awal hingga lanjut. dan kemasukan hospital yang berpanjangan. Boleh mengakses manfaat PMCM.

⁵ Selepas tuntutan rider A-Plus Kritikal Early, amaun perlindungan untuk pelan asas akan dikurangkan.



Pilihan Perlindungan dan Caruman yang Fleksibel untuk Memenuhi Keperluan Anda

Tempoh Perlindungan		
Sehingga umur 60 tahun	Sehingga umur 70 tahun	Sehingga umur 80 tahun
Pilihan Caruman		
Caruman Meningkat Setiap Tahun Caruman Meningkat Setiap Tahun bermula dengan caruman yang rendah dan meningkat secara beransur-ansur dari masa ke masa, menjadikannya sesuai untuk pelanggan yang menjangkakan pendapatan mereka akan meningkat dan ingin bermula dengan komitmen yang minimum.	Caruman Tetap Caruman Tetap, sesuai untuk pelanggan yang mahukan kestabilan dalam kewangan untuk jangka masa yang panjang kerana jumlah caruman akan kekal sama sehingga akhir tempoh perlindungan, namun caruman akan bermula pada amaun yang lebih tinggi.	
Pilihan Peralihan Caruman & Perlindungan		
Pilihan Peralihan ⁶ memberikan pelanggan fleksibiliti untuk mengurus dan mengurangkan komitmen mereka pada masa akan datang ketika mereka menghampiri umur 60 tahun.		
• Pilihan 1: Pada umur 60, Caruman Meningkat Setiap Tahun akan bertukar kepada Caruman Tetap secara automatik. • Pilihan 2: Pada umur 60, jumlah perlindungan⁷ akan dikurangkan kepada separuh dan Caruman Meningkat Setiap Tahun akan bertukar kepada Caruman Tetap secara automatik.	• Pilihan 3: Pada umur 60, jumlah perlindungan⁷ akan dikurangkan kepada separuh dan caruman akan kekal sebagai Caruman Tetap.	

⁶ Pilihan Peralihan hanya terpakai jika umur kemasukan Orang Dilindungi adalah 50 tahun atau ke bawah, dan tempoh perlindungan dipilih adalah sehingga umur 70 atau 80 tahun sahaja.

⁷ Bagi pelanggan yang memilih Pilihan 2 atau 3, jumlah perlindungan untuk pelan asas dan A-Plus Kritikal Early serta A-Plus Recover-i (jika dilampirkan) akan dikurangkan kepada separuh dan caruman juga akan diselaraskan berdasarkan pilihan tersebut. Walau bagaimanapun, pengurangan jumlah perlindungan ini tidak terpakai kepada A-Plus Infaq (jika dilampirkan) dan jumlah yang dilindungi akan kekal sama sepanjang tempoh perlindungan.



Nikmati Jaminan Jangka Panjang untuk Perlindungan Anda



**Pelanjutan
Tempoh
Perlindungan
Automatik**

Pelan asas dan perlindungan rider⁸ anda akan dilanjutkan sehingga umur 80 tahun dengan syarat terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk menolak *Tabarru'* dari Dana Akaun Peserta anda.



Tingkatkan Simpanan Anda dengan A-Plus Saver-i (APSi)

Dengan A-Plus Saver-i, sebahagian daripada caruman anda dilaburkan dalam Dana Berkaitan Pelaburan. Anda juga boleh membuat tokokan ad hoc selepas sijil anda berkuat kuasa untuk memaksimumkan lagi simpanan anda.



⁸ Tertakluk kepada umur maksimum untuk perlindungan mana-mana rider yang dilampirkan (jika berkenaan).



Tukar Gaya Hidup Sihat Anda kepada Ganjaran dengan Vitality

Jika anda ialah ahli AIA Vitality, anda layak menerima Bonus Tunai Tahunan Vitality (VYCB)⁹ pada setiap Ulang Tahun Sijil.

Peratusan (%) Bonus Tunai Tahunan Vitality yang anda terima bergantung pada Status AIA Vitality anda, yang dicapai sebelum Ulang Tahun Sijil.

Status AIA Vitality	Bonus Tunai Tahunan Vitality (% daripada Jumlah Caruman Tahunan Yang Dibayar)
Platinum	15.0%
Emas	7.5%
Perak	0.0%
Gangsa	0.0%



⁹ VYCB hanya terpakai kepada ahli AIA Vitality. Ia akan dibayar berdasarkan jumlah caruman yang dibayar untuk tahun sijil, tidak termasuk A-Plus Saver-i dan tokokan Ad-hoc.



Ringkasan pembayaran manfaat

Hafidz fokus membina kerjayanya dan mahu memastikan beliau mempunyai perlindungan yang kukuh untuk masa depannya. Beliau memahami pentingnya mempunyai perlindungan penyakit kritikal walaupun beliau mempunyai keadaan kesihatan yang baik supaya momentumnya dapat dikekalkan.

Hafidz ialah seorang lelaki berumur 30 tahun yang bukan perokok dan bekerja sebagai akauntan. Beliau menyertai pelan A-Life Kritikal Flex untuk menjamin perlindungan terhadap penyakit kritikal. Beliau juga memilih perlindungan tambahan melalui rider A-Plus Kritikal Early, A-Plus Recover-i dan A-Plus Infaq. Beliau memilih untuk membayar caruman tetap sehingga tamat tempoh pelannya. Beliau juga adalah ahli AIA Vitality yang aktif dan mencapai status Emas setiap tahun.

A-Life Kritikal Flex: RM200,000

A-Plus Kritikal Early: RM100,000

A-Plus Recover-i: RM50,000

A-Plus Infaq: RM100,000

Perlindungan dan tempoh pembayaran: Sehingga umur 70 tahun

Caruman Tahunan: RM4,405.00



PERLINDUNGAN ASAS

Diagnosis salah satu daripada 75 Penyakit Kritikal (CI) peringkat Lanjut

- ✓ Faedah CI
RM200,000 + Nilai Akaun di DAP, jika ada
- ✓ Faedah Penjaga
RM3,000

Kematian dalam tempoh sijil

- ✓ Faedah Belas Kasihan
RM20,000 + Nilai Akaun dalam DAP, jika ada

Tiada tuntutan yang telah dibuat sepanjang tempoh sijil

- ✓ Faedah Matang
Nilai Akaun dalam DAP, jika ada



PERLINDUNGAN TAMBAHAN

Diagnosis salah satu daripada 65 CI peringkat Awal atau 40 peringkat Pertengahan

- ✓ Faedah CI Dipercepatkan
RM100,000

Penghospitalan yang berpanjangan disebabkan oleh punca kemalangan atau jangkitan

- ✓ Faedah Penghospitalan Berpanjangan
RM50,000

Diagnosis salah satu daripada 74 CI peringkat Lanjut

- ✓ Beliau tidak perlu lagi membayar caruman untuk A-Plus Infaq sehingga tempoh perlindungan berakhir

Kematian / HUMK semasa tempoh sijil

- ✓ Faedah Kematian/ HUMK
RM100,000 akan didermakan kepada badan kebajikan amal yang dipilih.



GANJARAN TAMBAHAN DENGAN AIA VITALITY

Beliau mencapai status Emas setiap tahun

- ✓ Bonus Tunai Tahunan Vitality
RM330.38 (7.5% daripada jumlah caruman tahunan yang dibayar) akan dibayar pada setiap ulang tahun sijil.



Senario tuntutan bayaran

Pada umur 30 tahun

Ali, seorang guru yang berdedikasi dan bukan perokok, memutuskan untuk menjamin masa depannya. Beliau menyertai **A-Life Kritikal Flex** dengan perlindungan asas **RM200,000** sehingga umur 70 tahun dan membayar caruman sebanyak **RM4,405** setiap tahun.

Untuk mengukuhkan perlindungannya, beliau memilih beberapa rider:

- **A-Plus Kritikal Early (RM100,000)**
- **A-Plus Recover-i (RM50,000)**
- **A-Plus Infaq (RM100,000)**

Beliau juga mendaftar untuk keahlian **AIA Vitality** untuk memotivasikan dirinya hidup dengan sihat.



Pada umur 31-44

Beliau mencapai status **Emas AIA Vitality** setiap tahun.

Beliau menerima **Bonus Tunai Tahunan Vitality** berjumlah **RM330.38** pada setiap ulang tahun sivil.

Umur 45 - Perkara Yang Tidak Dijangka

Masa berjalan, dan pada usia 45 tahun, Ali menerima berita mengejutkan bahawa beliau didiagnosis dengan kanser peringkat awal.

Ali menerima tuntutan **RM100,000** di bawah **A-Plus Kritikal Early**, yang akan membantunya untuk fokus terhadap rawatannya tanpa bimbang tentang kewangannya. Namun, pembayaran faedah ini mengurangkan jumlah perlindungan asasnya kepada **RM100,000**.



Umur 46 - Kemasukan Hospital Pertama

Setahun kemudian, kanser menyebabkan sistem imunnya menjadi lebih lemah yang menyebabkan beliau menderita demam denggi teruk. Akibatnya, beliau dimasukkan ke hospital selama lebih daripada 15 hari.

Oleh itu, pembayaran sekaligus sebanyak **RM50,000** boleh dituntut di bawah **A-Plus Recover-i** untuk membantunya dengan pemulihan.



Dari Umur 50 hingga 70 - Titik Perubahan

Beberapa kemungkinan boleh berlaku dalam kehidupan Ali:

1. Ali meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal. **RM100,000** di bawah **A-Plus Infaq** akan didermakan kepada badan kebajikan amal pilihannya bagi pihak beliau.
2. Ali pulih dan hidup sehingga usia 70 tahun. Setelah pelan tamat, Beliau menerima nilai akaunnya, jika ada, sebagai faedah matang.



Umur 50 - Kanser Beliau Mula Merebak

Malangnya, Ali didiagnosis dengan kanser peringkat lanjutan.

Beliau menerima baki **RM100,000** daripada jumlah perlindungan asasnya.

Tambahan lagi, beliau tidak lagi perlu membayar **caruman A-Plus Infaq** beliau sehingga tamat tempoh sivil.



Umur 47 - Kemasukan Hospital Kedua

Pada usia 47 tahun, Ali menghadapi cabaran yang lain. Beliau dimasukkan ke hospital dalam ICU selama 5 hari kerana kemalangan kereta.

Sekali lagi, **RM50,000** boleh dituntut di bawah **A-Plus Recover-i** untuk menyokongnya dari segi kewangan.

Apendiks

Senarai 75 penyakit kritikal peringkat lanjut yang dilindungi

Nota: No. 55) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari tidak dilindungi di bawah A-Plus Infaq dan A-Plus ParentWaiver-i

1. Kanser - *keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal*
2. Strok - *mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan*
3. Serangan Jantung - *keterukan tertentu*
4. Penyakit Arteri Koronari Serius
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
6. Pembedahan Injap Jantung
7. Kardiomiopati - *keterukan tertentu*
8. Pembedahan Injap Jantung
9. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - *keterukan tertentu*
10. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
11. Kegagalan Hati Tahap Akhir
12. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
13. Penyakit Parkinson - *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian*
14. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
15. Koma - *mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan*
16. Buta - *kekal dan tidak boleh pulih*
17. Pekak - *kekal dan tidak boleh pulih*
18. Kegagalan Buah Pinggang - *memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang*
19. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
20. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan
21. Anemia Aplastik Kronik - *mengakibatkan kegagalan kekal sumsum tulang*
22. Meningitis Bakteria - *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian*
23. Pembedahan Otak
24. Tumor Otak Benigna - *keterukan tertentu*
25. Ensefalitis - *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian*
26. Trauma Kepala Major (teruk) - *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian*
27. Hilang Keupayaan Bertutur
28. Penyakit Sistik Medular
29. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri
30. Kelecuman Tahap Ketiga - *keterukan tertentu*
31. Hepatitis Viral Fulminan
32. Sklerosis Multipel
33. Distrofi Otot
34. Kelumpuhan Anggota
35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
36. Sindrom Eisenmenger Teruk
37. Endokarditis Infektif
38. Poliomielitis - *yang mengakibatkan ketidakupayaan sepenuhnya untuk menjalankan Aktiviti Harian sekurang-kurangnya selama tiga bulan*
39. Scleroderma Progresif - *memerlukan biopsi dan bukti serologi*
40. Arthritis Reumatoid Kronik
41. Penyakit Crohn Kronik Serius
42. Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
43. Myasthenia Gravis
44. Atrofi Otot Progresif
45. Supranuklear Palsy Progresif
46. Kekurangan Adrenal Kronik
47. Osteogenesis Imperfecta
48. Meningitis Tuberkulosis
49. Rawatan Rapi - *memerlukan ventilasi mekanikal selama 10 hari*
50. Sindrom Apalik - *memerlukan perunding ahli neurologi dan mesti didokumenkan secara perubatan sekurang-kurangnya selama sebulan*
51. Chronic Autoimmune Hepatitis
52. Chronic Relapsing Pancreatitis - *Permanent and Irreversible*
53. Penyakit Neuron Motor - *defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan*
54. Penyakit Terminal
55. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari
56. AIDS Peringkat Teruk
57. Pembedahan Scoliosis Idiopatik
58. Elephantiasis (Penyakit Untut) - *menyebabkan Halangan Kekal dan Limfatik.*
59. Metastasis Cerebrum
60. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) - *memerlukan pakar neurologi dan bukti ujian diagnostik.*
61. Demam Hemoragik Ebola
62. Pheochromocytoma yang memerlukan pembedahan
63. Sindrom Nefrotik Berulang Teruk
64. Penyakit Wilson
65. Sindrom Hemolitik Uremik
66. Fasciitis Nekrotik
67. Difteria pernafasan yang memerlukan ventilasi mekanikal
68. Kehilangan Penggunaan Anggota Badan
69. Aneurisme Serebrum yang Memerlukan Pembedahan Otak
70. Avulsi Akar Berbilang Brachial Plexus
71. Demam Reumatik Dengan Gangguan Injap Jantung
72. Reseksi keseluruhan usus kecil (duodenum, jejunum dan ileum)
73. Fibrosis Pulmonari Teruk
74. Rabies
75. Tetanus Umum

Apendiks

Senarai bagi 65 penyakit kritikal peringkat awal dan 40 penyakit kritikal peringkat pertengahan yang dilindungi di bawah A-Plus Kritikal Early

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
1	Kanser	- Karsinoma in situ; atau - Kanser Prostat Awal; atau - Kanser Tiroid Awal; atau - Kanser Pundi Awal; atau - Leukemia Limfositik Kronik Awal; atau - Melanoma Awal; atau - Kanser Stromal gastro-usus	- Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
2	Strok / Angin Ahmar	- Pembedahan Aneurisme Otak; atau - Pemasukan Pintasan Serebrum	- Pembedahan Arteri Karotid
3	Serangan Jantung	- Pemasukan Perentak Jantung	- Pemasukan Defibrilator Jantung
4	Penyakit Arteri Koronari Serius	- Penyakit Arteri Koronari Awal	- Penyakit Arteri Koronari Lain
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	- Perikardektomi; atau - Terapi Laser Transmyocardial	- Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)
6	Pembedahan Injap Jantung	- Valvuloplasti Perkuteneus	- Penggantian Injap Perkutaneus
7	Kardiomiopati	- Kardiomiopati Hipertrofik	- Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan
8	Pembedahan Aorta	- Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar	- Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta
9	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	- Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder
10	Penyakit Paru-paru Kronik	- Asma Serius; atau - Pemasukan penapis Vena Cava	- Pembuangan Satu Paru-paru menerusi Pembedahan
11	Penyakit Hati	- Pembedahan Hati	- Sirosis Hati
12	Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Transplan Usus Kecil; atau - Transplan Kornea	- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
13	Penyakit Parkinson	- Penyakit Parkinson Awal	- Penyakit Parkinson Sederhana Serius
14	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	- Penyakit Alzheimer Awal	- Penyakit Alzheimer Sederhana Serius
15	Koma	- Koma selama 48 jam	- Koma selama 72 jam
16	Hilang Penglihatan	- Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	- Retinitis Pigmentosa; atau - Atrofi Saraf Optik
17	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Sebahagian Pendengaran; atau - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	- Pembedahan Implan Koklear
18	Kegagalan Buah Pinggang	- Pembuangan Satu Buah Pinggang menerusi Pembedahan	- Penyakit Buah Pinggang Kronik
19	Transfusi Darah	- Hepatitis B atau C yang Diperolehi menerusi Pekerjaan; atau - Jangkitan HIV Akibat Serangan	- Jangkitan HIV Melalui Transplan Organ
20	Anemia Aplastik	- Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	Tiada
21	Meningitis Bakteria	- Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Penuh	- Meningitis Bakteria Sederhana Serius
22	Pembedahan Otak	- Pembedahan bagi Hematoma Subdura	- Pembuangan Tumor Otak melalui Luan Trans Sfenoidal
23	Tumor Otak	- Pembedahan Pemotongan Meningioma Tulang Belakang	- Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal
24	Ensefalitis	- Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	- Ensefalitis Sederhana

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
25	Trauma Kepala	- Pembedahan Rekonstruktif Muka; atau - Kecederaan Saraf Tunjang Serviks Kerana Kemalangan	- Trauma Kepala Sederhana
26	Hilang Keupayaan Bertutur	- Hilang Keupayaan Bertutur (selain dari kecederaan atau penyakit pada pita suara)	- Trakeostomi Kekal (atau Sementara)
27	Penyakit Sistik Medular	- Glomerulonefritis Kronik	Tiada
28	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	- Kehilangan Jari	- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal
29	Kelecuman	- Kelecuman Sederhana	- Kelecuman Sederhana Serious
30	Hepatitis Viral Fulminan	- Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	- Kolangitis Sklerosis Primer Kronik
31	Sklerosis Multipel	- Sklerosis Multipel Peringkat Awal	Tiada
32	Distrofi Otot	- Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	- Distrofi Otot Sederhana Serious
33	Kelumpuhan Anggota	- Hilang Penggunaan Satu Anggota	- Kehilangan Penggunaan Satu Anggota dan Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata
34	Lupus Eritematosus Sistemik	- Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Serious	Tiada
35	Sindrom Eisenmenger	- Sindrom Eisenmenger Kurang Serious	Tiada
36	Endokarditis Infektif	- Endokarditis Infektif	Tiada
37	Poliomielitis	- Neuropati Perifer	- Poliomyelitis Sederhana
38	Scleroderma Progresif	- Scleroderma Progresif Awal	- Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST
39	Arthritis Reumatoid Serious	- Arthritis Reumatoid Sederhana	- Arthritis Reumatoid Sederhana Serious

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
40	Penyakit Crohn	- Penyakit Crohn Kronik	Tiada
41	Kolitis Ulseratif Serious	- Kolitis Ulseratif Kronik; atau Kolitis Ulseratif Akut	Tiada
42	Myasthenia Gravis	- Myasthenia Gravis Kurang Serious	Tiada
43	Atrofi Otot Progresif	- Atrofi Otot Progresif Kurang Serious	Tiada
44	Supranuklear Palsy Progresif	- Supranuklear Palsy Progresif Awal	Tiada
45	Kekurangan Adrenal Kronik	- Adrenalectomy untuk Adenoma Adrenal	Tiada
46	Osteogenesis Imperfecta	- Osteoporosis dengan Keretakan	- Osteoporosis dengan Keretakan Serious
47	Meningitis Tuberkulosis	- Mielitis Tuberkulosis	Tiada
48	Rawatan Rapi	- Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 5 hari	Tiada
49	Sindrom Apalik	- Sifat Bisu Akinetic	- Sindrom Locked In
50	Hepatitis Autoimun Kronik	- Hepatitis Autoimun Kronik Awal	Tiada
51	Pankreatitis Berulangan Kronik	- Pankreatitis Nekrotik Akut	- Pankreatitis Berulangan Kronik Sederhana Serious
52	Epilepsi Serious	Tiada	- Epilepsi Serious
53	Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan	Tiada	- Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan
54	Penyakit Neuron Motor	Tiada	- Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal

KLIK DI SINI 
untuk melihat
Soalan-soalan Lazim
dan Pendedahan

Mengenai AIA PUBLIC Takaful

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC Takaful menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC Takaful komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.


(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

Life is unpredictable, but your responsibility to protect yourself and your loved ones remains. In today's fast-paced world, unexpected health challenges can strike without warning. With the rising number of critical illness cases in Malaysia, having a strong financial safety plan is no longer optional but it's a necessity. A-Life Kritikal Flex offers you more than just financial protection. It's a plan rooted in Shariah principles, designed to ease your burden during life's toughest moments. When illness strikes, you can focus on recovery while your fellow participants help safeguard you and your family's future.



Did You Know?

Survival rates for critical illnesses are improving but recovery often comes with ongoing costs. Having a critical illness plan that pays a lump sum payout can help ease these financial pressures. Upon diagnosis of critical illness, the payout from the plan can serve as:



**Early financial
support and
relief**



**Income replacement
during treatment &
recovery**



**Provide recovery
flexibility through
alternative or
complementary
treatments**



**Help with house
rent, mortgage or
loans & living costs**



**Caregiver & lifestyle
adjustments cost**

